

**SIARAN MEDIA**

Untuk Hebahan Segera



**ISLAMIC RELIEF AGIH BANTUAN KECEMASAN KEPADA PENDUDUK  
TERJEJAS GEMPA BUMI TURKIYE-SYRIA**

**"Setiap bangunan bergegar, orang ramai menjerit memanggil anak mereka yang hilang dan saya melihat begitu ramai orang di bawah runtuhan."**

Islamic Relief melancarkan tabung rayuan kecemasan global sebanyak RM103 juta bagi menyediakan bantuan kemanusiaan segera buat penduduk yang terjejas gempa bumi di Turkiye dan Syria.

Kejadian ngeri itu dialami sendiri oleh kakitangan Islamic Relief di lapangan yang turut menyaksikan orang ramai terperangkap di bawah runtuhan bangunan dan kanak-kanak terpisah daripada keluarga mereka dalam keadaan huru-hara.

Lebih 4,300 orang dilaporkan terkorban setakat ini dan angka kematian dijangka terus meningkat setiap jam.

Dua gempa bumi berukuran 7.8 dan 7.5 magnitud yang direkodkan paling teruk melanda Turkiye dalam tempoh 20 tahun dan paling teruk menjelaskan Syria selama lebih satu abad telah meragut nyawa serta memusnahkan rumah, hospital, sekolah, masjid dan infrastruktur lain.

Di barat laut Syria, Islamic Relief menyediakan bekalan perubatan segera untuk membantu hospital dan klinik, serta selimut dan khemah untuk mereka yang kini tiada tempat tinggal di tengah musim sejuk yang membekukan manakala di tenggara Turkiye, Islamic Relief akan menyediakan baucar tunai kepada penduduk terjejas.

Komuniti yang terjejas di barat laut Syria sangat memerlukan bantuan kemanusiaan kerana perang dan krisis kemanusiaan selama bertahun-tahun telah memusnahkan infrastruktur penting dan menyebabkan berjuta-juta orang berada dalam kemiskinan tegar.

**Mohammed Hamza, Ketua, Pejabat Islamic Relief di Idlib, barat laut Syria, menyaksikan kemusnahan secara langsung:**

"Kejadian itu berlaku pada pukul 4 pagi dan saya terjaga apabila rumah bergegar kiri dan kanan. Semua benda di sekeliling bergegar dan batu bata jatuh. Rasanya seperti hari kiamat dan segala-galanya musnah sepenuhnya. Isteri saya menjerit dan saya pergi melihat anak-anak saya tetapi saya tidak tahu apa yang boleh dilakukan. Kami melarikan diri ke luar dan melihat beribu-ribu orang di jalanan dalam keadaan sehelai sepinggang. Orang ramai menjerit mencari anak mereka yang hilang. Ramai yang terpisah dan kehilangan ahli keluarga.

"Banyak bangunan musnah sama sekali dan saya melihat berpuluhan orang terperangkap di bawah runtuhan. Orang ramai cuba menyelamatkan mereka. Ramai masih berada di jalanan dan tidak berani pulang ke rumah kerana takut dengan gegaran susulan.

"Pasukan Islamic Relief kini mengedarkan selimut, cadar dan tilam tetapi stok bantuan ini akan habis dalam hari ini dan kami memerlukan lebih banyak lagi stok secepat mungkin. Antara barang yang diperlukan segera adalah khemah, makanan dan selimut. Hospital pula dibanjiri dengan mereka yang tercedera jadi kami membantu mereka dengan ubat-ubatan dan bekalan lain."

- TAMAT -

---

**Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepada, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Islamic Relief mula beroperasi di Syria pada tahun 2011 dan di Turkiye pada tahun 2012 dengan melaksanakan pelbagai projek bantuan kemanusiaan melibatkan sektor kecemasan, kesihatan, makanan, air, sanitasi dan kebersihan, pendidikan, perlindungan serta kehidupan mampan.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

---

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.  
Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)